

TINGKATAN 4

TEMA 1: ISLAM SEBAGAI AL-DIN

BAHAGIAN A: PELAJARAN 1: ISLAM ADALAH CARA HIDUP (BUKU TEKS MS 3-9)

Soalan 1 hingga soalan 9

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

Islam	Kitab	Qadak	Solat	Wahyu
Iman	Zakat	Haji	Ihsan	Qadar

- _____ ialah sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidupnya.
- Sifat _____ terhasil daripada gabungan sifat ikhlas serta perasaan takut dan tunduk kepada Allah SWT.
- _____ ialah sesuatu hal yang telah ditentukan oleh Allah SWT yang akan berlaku kepada makhluk-Nya sebelum makhluk itu dijadikan.
- _____ ialah ibadat yang mengandungi perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratulihram dan disudahi dengan salam.
- Allah SWT menurunkan _____ kepada para rasul-Nya sebagai panduan hidup manusia.
- Rukun _____ menghubungkan makhluk dengan Allah SWT dari sudut kepercayaan dan keyakinan yang bersumberkan wahyu.
- Ibadah _____ wajib dilakukan oleh mereka yang berkemampuan dalam aspek harta dan kesihatan.
- Nabi dan rasul merupakan lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan _____ kepada mereka.
- Rukun _____ menjamin hubungan baik antara manusia dengan Allah SWT.

Soalan 1 hingga soalan 3

Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

Ihsan	Iman	Islam	Salafusoleh
-------	------	-------	-------------

- Taat dan patuh perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya.
- Golongan umat Islam generasi terdahulu yang hidup dalam kurun pertama sehingga kurun ketiga hijrah.
- Membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala perintah dan suruhan Allah SWT.

Soalan Rajah

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan Rukun Iman.

RUKUN IMAN	PERNYATAAN
A	Yakin dan percaya bahawa segala yang berlaku kepada manusia dan alam keseluruhannya telah ditetapkan oleh Allah SWT.
B	Yakin dan percaya bahawa alam ini akan musnah. Semua manusia akan dibangkitkan semula dan dihisab untuk menerima balasan-Nya sama ada syurga atau neraka.
C	Yakin dan percaya bahawa Allah SWT menurunkan kitab-kitab kepada para rasul-Nya sebagai panduan hidup manusia.

A ialah _____

B ialah _____

C ialah _____

Soalan 1 hingga soalan 9

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

1. Islam merupakan syarat sesuatu amalan diterima oleh Allah SWT.
2. Mengamalkan Islam sebagai al-Din menjamin kesejahteraan di dunia dan akhirat.
3. Rukun iman menegaskan konsep mengesakan Allah SWT sebagai ajaran yang dibawa oleh semua nabi dan rasul.
4. Sifat ihsan akan mendorong manusia untuk sentiasa mempertingkatkan kualiti ibadah dan pekerjaan.
5. Akal manusia tidak terbatas untuk mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara.
6. Islam agama untuk akhirat sahaja yang meliputi hubungan manusia dengan Allah SWT tanpa menghubungkan sesama manusia dan alam.
7. Islam dari segi bahasa ialah taat dan patuh kepada perintah Allah SWT.
8. Islam menuntut umatnya berbuat baik dengan jiran walaupun berlainan agama.
9. Qadak dan qadar adalah termasuk dalam perkara ghaib.